

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, July 5, 2017 12:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Tersenarai Dalam Times Higher Education Asia-Pacific University Rankings 2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

05 JULAI 2017 / 11 SYAWAL 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM TERSENARAI DALAM TIMES HIGHER EDUCATION ASIA-PACIFIC UNIVERSITY RANKINGS 2017



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) sekali lagi melakar sejarah apabila disenaraikan di kedudukan ke-200+ dalam edisi pertama Times Higher Education Asia-Pacific University Rankings 2017 yang diumumkan hari ini.

Menurut kaji selidik yang dikeluarkan oleh Times Higher Education, UUM berada di kedudukan 200+ dalam penilaian yang melibatkan 243 universiti daripada 13 buah negara di rantau Asia-Pasifik.

THE APAC Rankings 2017 mengguna pakai 13 indikator yang dikelompokkan kepada 5 kategori dalam menilai sesebuah universiti iaitu *Teaching (the learning environment)*, *Research (volume, income and reputation)*, *Citations (research influence)*, *International outlook (staff, students and research)*, dan *Industry income (knowledge transfer)*.

Menurut Phil Baty, Editorial Director, Global Rankings, Times Higher Education tersenarai di dalam Asia-Pacific Rankings untuk edisi pertama adalah satu pencapaian yang hebat.

"Ranking ini mewakili 243 institusi terbaik dan memberi gambaran tentang negara-negara dan universiti-universiti yang dijangka bakal menjadi peneraju pengajian tinggi dunia pada masa hadapan.

"Tiada keraguan bahawa sebahagian daripada universiti-universiti ini yang berada dalam rantau Asia Pasifik telah membuktikan mereka adalah universiti yang dinamik dan kompetitif," katanya.

Manakala Naib Canselor, YBhg Prof Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, penyenaian dalam edisi pertama THE APAC Rankings 2017 merupakan satu sejarah dan amat membanggakan buat UUM.

Menurutnya, penyenaian dalam ranking ini meletakkan UUM setaraf dengan universiti terkemuka lain seperti Sophia University Japan, University of Seoul, Kansai University Japan, Meiji University, University of Philippines dan University of Indonesia.

"Diharap semua warga UUM dapat terus bekerja keras bukan sahaja untuk meningkatkan ranking UUM, bahkan juga untuk mencapai kejayaan-kejayaan lain," ujarinya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.